

19/04/2000

Cuepacs, JPA bincang isu SSB

KOTA KINABALU, Selasa - Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan bermesyuarat di sini Khamis ini, bagi membincangkan sama ada perlu Sistem Saraan Baru (SSB) dikaji semula.

Mesyuarat itu, adalah langkah pertama dalam usaha mengkaji semula SSB selepas dilaksanakan hampir 10 tahun lalu dan jadual gaji matrik yang banyak menerima rungutan kakitangan awam.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan berkata, Cuepacs akan mengemukakan pendirian berhubung beberapa perkara dalam SSB, khususnya berkaitan isu pergerakan gaji serta laporan penilaian prestasi yang dikatakan mempunyai beberapa kepincangan.

"Sebarang keputusan pada mesyuarat itu nanti akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi jawatankuasa Kabinet mengenai gaji," katanya kepada pemberita selepas Seminar Cuepacs Sabah Mengenai Pentadbiran Awam, di sini hari ini.

Abdul Rahman berkata, sejak timbul rungutan mengenai SSB, kesatuan itu menghantar dua memorandum kepada kerajaan berhubung pelaksanaan jadual gaji sistem matrik.

"Kita menyambut baik pandangan Perdana Menteri bahawa kerajaan bersedia mengkaji perkara ini bersama Cuepacs," katanya.

Beliau berkata, Cuepacs tidak menentang SSB tetapi mahukan pengubahsuaian terutama pada sistem pergerakan gaji dan laporan penilaian prestasi kakitangan awam yang banyak dipertikaikan.

Mengenai elaun perumahan kakitangan awam di Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung, beliau berkata, Cuepacs akan membawa perkara itu kepada pengetahuan kerajaan selepas mendapat maklumat dan pandangan kesatuan bahagian Sabah dan Sarawak.

"Kita belum mendapat pandangan dari kedua-dua negeri ini. Jika ia dikemukakan dan ada kewajaran, Cuepac bersedia membawa perkara ini kepada kerajaan untuk pertimbangan," katanya.

Abdul Rahman berkata, subsidi perumahan itu tidak seragam kerana ketika elaun itu dibuat, kakitangan Semenanjung yang datang ke Sabah dan Sarawak mengalami masalah mendapatkan rumah, berbanding kakitangan dari kedua-dua negeri ini ke Semenanjung.

(END)